



JAWATAN KOSONG
DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG

Ruj: ANM.PHG 500-2/ 5/ 2 Jld 3 (28)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Pahang.

1. a. Jawatan: **Pekerja Sambilan Harian (PSH) - Pembantu Tadbir (Kewangan)**
b. Jabatan: **Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Pahang**
2. **Kadar Upah**
RM54.00 sehari (waktu bekerja selama sembilan (9) jam sehari, termasuk waktu rehat)
3. **Syarat Kelayakan**
Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan yang berikut.
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun pada tarikh tutup tutup permohonan;
 - c. Memiliki sekurang-kurangnya kelayakan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- d. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan baik;
- e. Berkemahiran mengendalikan komputer; dan
- f. Keutamaan diberikan kepada calon yang berkebolehan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan/ atau bahasa ketiga (seperti Mandarin/ Tamil/ lain-lain).

4. Taraf Jawatan

Tempoh perkhidmatan tidak melebihi tiga (3) bulan. Ketua Jabatan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang PSH apabila perkhidmatannya tidak lagi diperlukan **walaupun** tempoh perkhidmatan PSH berkenaan masih belum tamat.

5. Penaklukan di bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan

PSH adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa yang dipanjangkan oleh kerajaan kepada mereka atau arahan pentadbiran lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

6. Fungsi Bidang Tugas

Bertanggungjawab melayan pelanggan yang berurus dengan jabatan secara tertib dan mesra, membuat semakan rekod, memberi penerangan terhadap pertanyaan pelanggan, menjalankan tugas perkeranian, dan menyediakan laporan/ statistik.

7. Tarikh Tutup Permohonan

Semua permohonan hendaklah disampaikan selewat-lewatnya pada **5 April 2019 (Jumaat) jam 5:00 petang**. Permohonan yang lewat diterima akan ditolak.

8. Cara Memohon

Pemohon yang berminat boleh memohon dengan mengemukakan dokumen berikut kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Pahang.

- a. Borang permohonan (**JANM(K) 1/2008**) yang diisi dengan lengkap (termasuk gambar pasport). Borang boleh diperolehi daripada pejabat pada waktu bekerja, laman sesawang <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>, atau menulis kepada Pn Nomarlina binti Awang Nong, e-mel: sheina@anm.gov.my ;
- b. *Résumé*;
- c. Salinan kad pengenalan;
- d. Salinan sijil kelayakan akademik; dan
- e. Salinan sijil penyertaan kursus pengendalian komputer, seperti aplikasi produktiviti meja (*desktop productivity application*), aplikasi pemprosesan perkataan (*words processing application*), aplikasi penggunaian nombor (*number crunching application*) atau seumpamanya, jika ada.

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Pahang

Tingkat 1, Wisma Persekutuan

Jalan Gambut

25594 KUANTAN, Pahang

(up: Pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH) - Pembantu Tadbir (Kewangan))

Pertanyaan boleh diajukan kepada Pn Nomarlina binti Awang Nong, tel:

09-5915049 atau e-mel: sheina@anm.gov.my .

Hanya calon yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil untuk temu duga.